

## PALESTIN BUMI ISRAK YANG TERJAJAH

25 FEBRUARI 2022 / 23 RAJAB 1443H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ  
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.  
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ  
وَرَسُولَهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Rejab adalah bulan Israk dan Mikraj. Peristiwa agung yang berlaku sebelum hijrah ke Madinah, merupakan bukti kasih sayang Allah ke atas Nabi Muhammad *Sallallahu Alaihi wa Sallam* dan umatnya, dengan menjemput Baginda ke langit bagi menyaksikan sendiri tanda-tanda kebesaran Allah Yang Maha Pencipta. Firman Allah *Subhanahu wa Taala* dalam Surah al-Isra' ayat pertama:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ

الْأَقْصَا الَّذِي بَرَكْنَا حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ مِنَ آيَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١﴾

**Yang bermaksud:** “Maha Suci Allah yang telah menjalankan hamba-Nya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid Al-Haram (di Makkah) ke Masjid Al-Aqsa (di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) Kami. Sesungguhnya Allah jualah yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.”

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta’ala**

Allah Subhanahu wa Taala memulakan kisah Isra’ dengan bertasbih, iaitu Maha Suci Allah yang berkuasa memperjalankan Nabi Muhammad Sallallahu ‘Alaihi Wasallam melalui peristiwa Isra’ dan Mikraj dalam masa yang amat singkat. Peristiwa luar biasa ini menguji iman manusia. Ia juga menghubungkan umat Islam dengan masjid ketiga terpenting dalam agama, yang juga merupakan kiblat pertama, iaitu al-Masjidil Aqsa yang terletak di Palestin. Walaupun secara logik akal, adalah lebih dekat nabi Muhammad Sallallahu ‘Alaihi Wasallam dimikrajkan terus ke langit dari Makkah, tetapi ada hikmah mengapa Baginda diperjalankan ke Palestin terlebih dahulu.

Pada malam peristiwa Isra’ dan Mikraj Nabi Muhammad Sallallahu ‘Alaihi Wasallam telah membuktikan al-Masjidil al-Aqsa adalah hak milik umat

Islam kerana Baginda mendirikan solat bersama para nabi dan rasul di dalamnya, walaupun bumi Syam didakwa berada di bawah empayar Rom ketika itu. Hanya semasa zaman pemerintahan Saidina Umar bin al-Khattab, kota Baitulmaqdis dibuka secara aman. Tiada pertumpahan darah yang berlaku, bahkan Saidina Umar membenarkan orang Rom untuk kekal tinggal di sana bersama-sama dengan orang Islam, serta orang Yahudi yang sebelum ini dilarang masuk ke Palestin. Baitulmaqdis menjadi sebuah kota pelbagai agama dan bangsa, yang aman dan damai di bawah keadilan Islam.

Inilah tanda keberkatan bumi Palestin, hingga banyak kuasa besar dunia sanggup berperang untuk menakluknya. Islam akan hilang cengkaman di Palestin apabila umatnya berpecah dan lari dari ajaran agama, seperti yang berlaku dalam peperangan Salib, sebelum dibuka semula oleh Salahuddin al-Ayubi.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala**

Semasa penghujung Khilafah Uthmaniyah, penjajah barat telah memecah-belahkan kesatuan umat Islam. Agen-agen penjajah meniupkan sengketa perkauman antara orang Arab dan Turki yang menyebabkan kejatuhan kerajaan Khilafah Uthmaniyah. Umat Islam lupa dengan firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah al-Anfal ayat 46:

... وَلَا تَنْزِعُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَنْتُمْ بِلِقَاءِ اللَّهِ أَسْرِرِينَ

**Yang bermaksud:** "... dan janganlah kamu berbantah-bantahan; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu, dan sabarlah

*(menghadapi segala kesukaran dengan cekal hati); sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang sabar.”*

Ayat ini menjelaskan bahawa punca kelemahan dan kejatuhan kerajaan Islam adalah disebabkan perpecahan dalam kalangan umat Islam. Adalah tidak mustahil perkara ini akan berlaku di negara kita yang mungkin dikuasai oleh orang yang bukan Islam sekiranya kita umat Islam tidak bersatu.

Akibat perpecahan umat Islam pada zaman itu, Palestin pun jatuh ke tangan British. Pada tahun 1917 British telah menyerahkan Palestin dan dijadikan negara untuk orang Yahudi, hasil lobi daripada pergerakan Zionis Antarabangsa. Itulah detik bermulanya serangan penganas Zionis untuk merampas tanah milik orang Palestin. Seinci demi seinci tanah Palestin dijual kepada Yahudi dan akhirnya dirampas oleh orang Yahudi sehinggakan 4 juta rakyat Palestin menjadi pelarian, terpaksa meninggalkan kampung halaman. Kemuncaknya pada tahun 1948, Israel menjajah dan menubuhkan negara haram mereka di atas tanah Palestin. Keadaan seperti ini tidak mustahil boleh berlaku di negara kita sekiranya kita lalai dan tidak mengambil perhatian dalam hal ini.

Dengan semangat Israk dan Mikraj, marilah kita bersama-sama menyatakan sokongan ke atas pembebasan Palestin dengan meramaikan solat secara berjemaah di Masjid sebagaimana Rasulullah dan para nabi solat berjemaah di Masjid al-Aqsa. Semoga kita dapat bersatu padu dan mengelakkan diri daripada berpecah belah, teruskan berdoa mudah-mudahan umat Islam di seluruh dunia mendapat keredaan Allah Subhanahu wa-Ta'ala.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

...وَلَيَنْصُرَنَّ اللَّهُ مَن يَنْصُرُهُ ۗ إِنَّ اللَّهَ لَقَوِيٌّ عَزِيزٌ ﴿٤٠﴾

Yang bermaksud : “*Sesungguhnya Allah akan menolong sesiapa yang menolong agama-Nya (agama Islam). Sesungguhnya Allah Maha Kuat lagi Maha Perkasa.*”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ  
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.